Bahagian A (20 markah)

Jawab **semua** soalan

1. Pernyataan yang manakah yang benar tentang perkataan Malaya Dvipa yang terdapat dalam kitab Hindu purba, Purana?

I Merujuk kepada Pulau Sumatera
II Merujuk kepada kerajaan Sriwijaya di Palembang
III Merujuk kepada kerajaan Melayu di Sungai Batang
IV Merujuk kepada beberapa buah gunung di Semenanjung Tanah Melayu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2.

Subkeluarga X	Bisaya, Dadayak, Tonsawang
Subkeluarga Y	Lampung, Mentawai, Simalur

Padanan yang manakah yang betul bagi X dan Y?

	X	Y
A	Jawa	Toraja
B	Loinan	Tomini
C	Filipina	Sumatera
D	Muna-Butung	Sulawesi Selatan

3. Yang manakah yang **tidak benar** tentang aspek ejaan bahasa Melayu kuno?

A Vokal e pepet banyak digunakan dalam bahasa Melayu kuno.
B Konsonan /w/ dalam bahasa Melayu kuno menjadi /b/dalam bahasa Melayu moden.
C Konsonan /n/ dalam bahasa Melayu kuno menjadi /ny/ dalam bahasa Melayu moden.
D Dalam bahasa Melayu kuno, konsonan yang diucapkan dengan aspirasi atau hembusan banyak digunakan

4.

	Batu bersurat
I	Kedukan Bukit
II	Talang Tuwo
III	Kota Kapur
IV	Gandasuli


	Isi kandungan
P	Kisah pembinaan sebuah taman oleh Raja Jayanasa untuk memberikan kebahagiaan kepada semua makluk
Q	Isi kandungannya memberi gambaran bahawa bahasa Melayu Kuno digunakan dari Sumatera hingga ke Pulau Jawa
R	Kisah pelayaran seorang raja bersama dengan 20.000 orang tentera untuk mendapatkan kuasa sakti
S	Kandungannya tentang seruan terhadap dewa dan S makhluk-makhluk tinggi agar melindungi kerajaan Sriwijaya

	I	II	III	IV
A	S	Q	R	P
B	R	Q	S	P
C	S	R	P	Q
D	R	P	S	Q

5. Yang manakah yang tidak benar tentang struktur ayat bahasa Melayu klasik?

A Banyak menggunakan ayat aktif
B Banyak menggunakan ayat majmuk
C Banyak menggunakan ayat susunan songsang
D Kebanyakan ayatnya panjang-panjang sehingga agak sukar difahami

6.




Tokoh X ialah

A W. Marsden
B O.T. Dussek
C Raja Ali Haji
D Zainal Abidin bin Ahmad

7. Yang manakah yang benar tentang perancangan taraf ?

A Sebutan baku digunakan dalam semua situasi rasmi
B Bahasa Melayu digunakan dalam situasi-situasi rasmi.
C Peristilahan dilakukan untuk pembentukan istilah tertentu
D Aspek tatabahasa diseragamkan sebagai panduan kepada pengguna bahasa Melayu.

8.



Yang manakah padanan yang **betul** antara contoh perkataan dengan bahasa sumbernya?

	P	Q	R	S
A	Bahasa Portugis	Bahasa Belanda	Bahasa Parsi	Bahasa Cina
B	Bahasa Portugis	Bahasa Cina	Bahasa Parsi	Bahasa Belanda
C	Bahasa Tamil	Bahasa Jawa	Bahasa Sanskrit	Bahasa Portugis
D	Bahasa Belanda	Bahasa Tamil	Bahasa Sanskrit	Bahasa Parsi

9. Yang manakah yang benar tentang fonemik?

I Bidang yang menganalisis bunyi-bunyi
II Bidang yang digunakan dalam penentuan sistem ejaan sesuatu bahasa
III Bidang yang mengkaji bunyi bahasa yang dihasilkan oleh alat pertuturan manusia
IV Bidang yang mengkaji fungsi dan cara organ pertuturan menghasilkan bunyi tertentu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

10. Yang manakah bunyi bahasa yang dihasilkan tanpa menggetarkan pita suara ?

A [m]
B [v]
C [f]
D [r]

11. Yang manakah yang **benar** tentang bunyi konsonan pada akhir setiap perkataan di bawah?

	Getaran gigi gusi bersuara	Letupan lelangit lembut tak bersuara	Sengauan gigi-gusi bersuara	Letupam gigi-gusi tak bersuara
A	straw	senang	tabir	bersih
B	doktor	budak	tahan	takut
C	sebab	satay	halal	emak
D	suruh	malam	karat	awas

12. Yang manakah yang benar tentang bunyi diftong?

A Diftong membentuk dua suku kata
B Diftong tidak dianggap sebagai satu fonem
C Kedua-dua vokal akan dilafazkan sepenuhnya
D Rentetan dua bunyi vokal yang mempunyai satu puncak kelantangan

13. Yang manakah yang benar tentang konsonan separuh vokal?

A Depan lidah diletakkan pada lelangit keras.
B Lelangit lembut diturunkan untuk menutup rongga hidung
C Penyebutannya sangat sempurna sebagai penyebutan vokal penuh
D Sewaktu penghasilannya berlaku sekatan pada laluan udara pada rongga mulut

14. Yang manakah perkataan yang mengandungi konsonan sisian gusi bersuara?

A Fardu
B Garaj
C Keldai
D Pinjam

15. Yang manakah perkataan yang mengandungi gugus konsonan?

A Cinta
B Sendi
C Nyanyian
D Plumbum

16. Yang manakah yang benar tentang cara-cara menghasilkan bunyi geseran bibir-gigi bersuara?

A Depan lidah dinaikkan ke arah gusi - lelangit keras
B Lelangit lembut diturunkan untuk menutup rongga hidung
C Udara keluar melalui sempitan pada gusi - lelangit keras
D Gigi atas diletakkan pada bibir bawah dengan tekanan mencukupi

17.

I	II	III	IV
masuk	kontras	konteks	kompleks

Yang manakah padanan yang betul bagi pola suku kata akhir bagi I, II, III, dan IV?

	I	II	III	IV
A	VKK	VKKK	KVKK	KKKVK
B	KKV	KKVK	KKKV	KVKKK
C	KVK	KKVK	KVKK	KKVKK
D	KVK	KVKK	KKVK	VKKKK

18. Yang manakah perkataan yang tergolong dalam penggunaan pola kekecualian keselarasan vokal?

A Fosil
B Leceh
C Selekoh
D Tembelang

19. Yang manakah perkataan yang semuanya dieja dengan betul?

A Tulen, terampil, telefon
B Pensil, prihatin, pelaburan
C Kolestrol, komersil, kompleks
D Optimum, organisme, otomatik

20.

I	Tanda koma (,)
II	Tanda noktah bertindih (:)
III	Tanda garis miring (/)
IV	Tanda petik tunggal (‘ ‘)

	Fungsi
W	Untuk menunjukkan angka ribu dan juta
X	Untuk menunjukkan kutipan dalam kutipan
Y	Untuk menunjukkan maksud *atau*
Z	Untuk menunjukkan masa

	I	II	III	IV
A	Y	X	W	Z
B	Z	W	X	Y
C	W	Z	Y	X
D	X	Y	Z	W

Bahagian B (30 markah)

Baca petikan di bawah ini dengan teliti kemudian jawab semua soalan.

Penggunaan plastik memang memudahkan kehidupan kita tetapi kedayatahanan plastik sangat tinggi. Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat (AS) telah menyifatkan bahawa setiap cebisan plastik yang dicipta mengambil masa yang lama untuk diuraikan. Plastik dihasilkan daripada campuran produk sampingan petroleum, iaitu gas petroleum cecair dan gas asli. Plastik merupakan bahan yang tidak boleh terurai secara biologi dan boleh menjadi toksik yang berbahaya kepada alam sekitar, haiwan, dan juga manusia jika tidak diuruskan dengan baik. Oleh hal yang demikian, orang ramai haruslah mengurangkan penggunaan plastik kerana sampah plastik amat berbahaya kepada manusia dan haiwan.

Saban tahun, ribuan camar laut, penyu, anjing laut dan mamalia laut lain terkorban akibat tertelan plastik. Haiwan-haiwan tersebut terdedah kepada risiko kecederaan usus. Penyu sering memakan sampah plastik kerana haiwan ini selalu menganggap bahawa sampah plastik ialah obor-obor yang boleh dijadikan makanannya. Sampah plastik itu akan menyebabkan saluran usus penyu tersumbat, seterusnya menyebabkan kecederaan dalaman sehingga boleh membawa kematian. Orang ramai harus sedar bahawa haiwan seperti penyu akan pupus jika sampah plastik banyak dibuang ke dalam laut.

Pencemaran plastik turut mengancam kehidupan manusia. Sampah plastik yang terapung di dalam laut akan menguraikan bahan pencemar yang berbahaya. Bahan ini sangat bertoksik dan boleh mengakibatkan kesan kronik ke atas kesihatan manusia, termasuk gangguan endokrin dan juga proses mutasi yang mengakibatkan kanser. Jika haiwan laut memakan serpihan plastik pula, toksinnya diserap ke dalam badan haiwan-haiwan itu dan dipindahkan kepada manusia melalui rantaian makanan Selain itu, pencemaran plastik juga boleh menjejaskan ekonomi negara. Kehilangan tarikan pantai yang dipenuhi sampah yang terdampar di kawasan pantai boleh mengurangkan daya tarikan keindahannya justeru boleh menjejaskan industri pelancongan setempat. Kerajaan terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk membersihkan pantai. Di samping itu, industri perikanan dan akuakultur juga turut mengalami kerugian apabila hasil tangkapan dan ternakan terjejas akibat pencemaran. Oleh itu, semua pihak harus sedar bahawa pembuangan plastik boleh mengotorkan alam sekitar dan mengakibatkan pelbagai kesan negatif terhadap kesihatan manusia.

Kita harus menyahut dan menyokong usaha pihak berkuasa yang melarang penggunaan beg plasik di semua premis perniagaan Kerajaan harus memastikan penguatkuasaan perintah larangan penggunaan plastik dipatuhi oleh semua jenis perniagaan dan juga pelanggan. Baik pihak kerajaan mahupun masyarakat kita perlu berganding bahu untuk tidak menggunakan plastik demi menyelamat bukan saja hidupan laut tetapi nyawa manusia.

(Disesuaikan daripada Pencemaran Plastik Masalah Goa oleh Wan Izatul Asma Wan Talaat Utusan Online, 1 Jun 2019)

21. Berdasarka petikan, jelaskan maksud frasa yang berikut:
    (a) ...kedayatahanan plastik sangat tinggi... (baris 1-2) [1]
    (b) ...bahan yang tidak boleh terurai secara biologi... (baris 5) [1]

22. Nyatakan empat kesan buruk pencemaran plastik terhadap kesihatan manusia. [4]

23. Apakah mesej yang hendak disampaikan oleh penulis dalam petikan ini? [4]

24. Plastik merupakan bahan yang tidak boleh terurai secara biologi dan boleh menjadi toksik yang berbahaya kepada alam sekitar, haiwan, dan juga manusia jika tidak diuruskan dengan baik. (baris 5 hingga 7)

    Jelaskan cara-cara yang wajar dilakukan untuk mengurangkan penggunaan plastik di negara kita. Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. [20]

Bahagian C (50 markah)

Tulis **sebuah** karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.

25. Selain wabak Covid-19, penyakit demam denggi merupakan penyakit yang berbahaya pada masa ini. Jelaskan langkah-langkah pencegahannya.

26. Filem tempatan dikatakan kurang mendapat sambutan kerana kualiti yang rendah jika dibandingkan dengan filem-filem dari luar negara. Jelaskan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menghasilkan filem tempatan yang berkualiti dan boleh menarik penonton.

27. Kemahiran lisan dalam bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda masih lemah walaupun mereka mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan awam. Mereka menghadapi masalah apabila diminta untuk menyampaikan maklumat secara lisan atau spontan dengan menggunakan bahasa Melayu standard. Huraikan punca-punca perkara ini berlaku.

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta